



### Kelab Pengguna Universiti Agen Kepenggunaan Masyarakat



*Dato' Sri Ismail Sabri merasmikan kempen kurangkan pengambilan gula peringkat Institusi pengajian tinggi bersama Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha (tengah) dan Ketua Setiausaha KPDNKK, Dato' Mohd. Zain Mohd. Dom (kanan).*

**SERDANG, 6 Februari** – Kelab Pengguna Universiti di Institut Pengajian Tinggi (IPT) diseru bertindak sebagai agen menangani isu berkaitan kepenggunaan kepada masyarakat, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob.

“Kini sebanyak 29 Kelab Pengguna IPT telah ditubuhkan berbanding 56 IPT di negara ini. Penubuhan kelab ini diharapkan akan mencapai objektif kementerian bagi melahirkan kumpulan pemangkin dalam kalangan penuntut.

“Saya difahamkan Persatuan Ekonomi Keluarga dan Pengguna sedang merangka modul bagi tujuan melatih pelajar universiti dalam aktiviti bercorak kepenggunaan,” katanya pada majlis perasmian kempen Kurangkan Pengambilan Gula peringkat institusi pengajian tinggi di sini anjuran Kelab Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia.

Kempen yang julung kali diadakan itu akan diperluaskan dari masa ke semasa ke seluruh IPT termasuk ke peringkat sekolah menengah tidak lama lagi.

“Perlaksanaan kempen ini agak berbeza dengan kempen-kempen penggunaan lain kerana kempen lebih menjurus lebih kepada penjagaan tahap kesihatan individu,” katanya.



*Dato' Sri Ismail Sabri mendengar penerangan daripada pelajar UPM bersama Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Alumni) Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris.*

Dato' Sri Ismail berkata dengan pemahaman masyarakat terhadap konsep penggunaan,

mereka akan lebih memahami dan peka dengan isu pengambilan gula yang berlebihan akan mendatangkan kemudaratan kepada individu.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata UPM memberi sokongan padu terhadap kempen sebegini kerana ia secara langsung memberi manfaat kepada pelajar dan staf universiti mengenai kesan penggunaan gula secara berlebihan.

"Langkah Kementerian mengadakan kempen pada peringkat IPT ini merupakan langkah awal dan bertepatan memandangkan pelajar adalah antara kumpulan pengguna yang agak besar serta mempunyai masa untuk meluaskan pengetahuan dan kesedaran ahli keluarga dan rakan sebaya," katanya.



*Pelajar UPM yang terdiri dari ahli Kelab Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia bergambar kenangan bersama Dato' Sri Ismail Sabri (kiri) dan Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha (kanan).*

**Berita ini ditulis oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.(Noor Eszereen Juferi-89466013)**